

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Pemulihan COVID-19

# Hanya tinggal dua Zon Merah

Sehingga jam 12 tengah hari semalam, Cheras catat 334 kes, manakala Rembau 77 kes

Oleh Suzalina Halid dan Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengawasan pandemik COVID-19 di Malaysia menunjukkan perkembangan positif apabila hanya dua zon merah direkodkan semalam, iaitu di Cheras, di sini dan Rembau, Negeri Sembilan.

Berdasarkan status terkini COVID-19 dikeluarkan Kementerian

Kesihatan Malaysia (KKM) sehingga jam 12 tengah hari semalam, Cheras merekodkan 334 kes, manakala Rembau pula 77 kes.

Selangor yang sebelum ini menjadi negeri kedua tertinggi kes COVID-19 di negara ini dengan keseluruhan 1,998 kes, juga bebas zon merah apabila daerah Hulu Langat merekodkan penurunan mendadak kes aktif sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Bagi pecahan peringkat nasional,

sebanyak 25 zon kuning direkodkan semalam dengan lapan adalah di Selangor, manakala Kuala Lumpur/Putrajaya pula mencatatkan tiga zon kuning, iaitu Lembah Pantai, Titiwangsa dan Kepong.

Pahang pula mempunyai dua zon kuning, iaitu Temerloh dan Maran, begitu juga di Melaka yang membabitkan daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah, manakala Negeri Sembilan hanya mempunyai satu zon kuning iai-

tu Seremban.

Labuan juga diklasifikasikan sebagai zon kuning dengan satu kes direkodkan, Sabah membabitkan Kota Kinabalu, Penampang, Tuaran, Beaufort, Keningau dan Pitas, manakala zon kuning di Sarawak adalah Kuching, Bintulu dan Samarahan.

Tujuh negeri lagi, iaitu Johor, Perak, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang bebas kes COVID-19.

